

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Sentral)

TARIKH: 22 SEPTEMBER 2017

M/S : 36

## **Bomba berjaya jinak ular sawa**

Reptilia itu bersembunyi dalam saluran air

SHAH ALAM - Seekor ular sawa yang cuba bersembunyi dalam salur air berjaya ditangkap sepasukan bomba di sebuah rumah di Seksyen 4 di sini, kelmarin.

Sumber bomba berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.22 petang.

"Anggota membuat pencarian di semua lubang yang dipercayai ular bersembunyi. Habitat itu berjaya ditemui anggota dan terus bertindak memecah salah satu lubang untuk memudahkan menangkap ular tersebut.

"Operasi yang bermula kira-kira jam 2.31 petang itu tamat dengan jayanya 11 minit kemudian dan tiada mangsa yang terlibat," katanya.

Beliau berkata, operasi itu disertai lapan anggota termasuk komander, Mohd Zamri Rohani dari Balai Bomba Penyelamat Shah Alam.

Dalam kejadian berasingan, seorang lelaki berusia 24 tahun tersepit jari kelingking pada tombol pintu di kediamannya di Pangsapuri



FOTO: BOMBA SELANGOR

Seekor ular sawa berjaya ditangkap anggota bomba sebelum melepaskan ke habitat asal haiwan itu.

Rimba.

Menurutnya, anggota bertindak memotong tombol pintu menggunakan gergaji besi dan mengumpilnya menggunakan

playar sehingga jari mangsa dilepaskan.

"Operasi selesai dengan jentera bersama anggota pulang semula ke balai sejurus selepas itu," katanya.